

Mohd Amirul Kasyful Nur bin Zulkifli

From: UUM CORPORATE COMM.
Sent: 11 Julai 2021 10:36
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: Virtual I-RIA2021 Iktiraf 209 Pereka Cipta Kreatif



UUM Corporate Comm.
Universiti Utara Malaysia

11 JULAI 2021 / 1 ZULHIJAH 1442H
=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: Dr. Mohamad Farhan Mohamad Mohsin
Gambar oleh: SOC

VIRTUAL I-RIA2021 IKTIKRAF 209 PEREKA CIPTA KREATIF



UUM ONLINE: Pandemik Covid-19 tidak pernah menghalang pereka cipta untuk terus mempamerkan idea dan hasil inovasi masing-masing menerusi penganjuran Innovative Research, Invention and Application Exhibition 2021 (I-RIA2021) anjuran Pusat Pengajian Pengkomputeran (SOC) walaupun diadakan secara maya, baru-baru ini.

Sebanyak 209 kumpulan pereka cipta telah mempertaruhkan hasil inovasi masing-masing di I-RIA2021 yang bertemakan '*Technology-Driven Innovations Driving Transition to The New Normal*' yang boleh ditonton di Facebook SoC <https://www.facebook.com/socuummy>.

Dekan SOC, Prof. Dr. Huda Ibrahim yang juga Penolong Naib Cancellor UUM CAS berkata, inovasi perlu diteruskan kerana ianya penting dalam mencorakkan masa depan negara.

Menurutnya, I-RIA merupakan program tahunan SOC sejak 2015 dan akan tetap diteruskan pada tahun mendatang dengan lebih mantap dalam apa jua situasi yang akan berlaku.

Katanya, program ini merupakan satu wadah untuk pereka cipta dalam sains dan teknologi, khususnya pelajar untuk mempamerkan hasil inovasi terkini kepada pihak berkepentingan bagi tujuan pengiktirafan, pengkomersialan dan kerjasama.

“Selain memberi pengiktirafan kepada hasil inovasi pereka cipta, penganjuran I-RIA secara tidak langsung telah menyokong empat agenda Matlamat Pembangunan Lestari (SDGs) iaitu menyediakan pendidikan berkualiti (Quality Education), memperkasa industri, inovasi dan infrastruktur (Industry, Innovation and Infrastructure), melestarikan bandar dan komuniti (Sustainable Cities and Communities), dan membina kerjasama untuk matlamat (Partnerships for the Goals).

“Tahun ini, kita telah mencatat sejarah kerana buat pertama kalinya I-RIA2021 dianjurkan secara maya dengan menyediakan galeri pameran maya yang mirip kepada dewan pameran sebenar untuk dilawati oleh para pengunjung <http://tiny.cc/i-riaVH>,” katanya.

I-RIA tahun ini membuka tiga kategori untuk dipertandingkan iaitu Institut Pengajian Tinggi, Terbuka dan Antarabangsa dan Sekolah. Kesemua produk yang dipertandingkan telah dinilai oleh juri profesional dari pelbagai bidang.

Tujuh anugerah utama I-RIA disediakan iaitu I-RIA Platinum Award, Special Award Assistant Vice-Chancellor UUM, Special Award For Innovation, Special Award For Young Inventor, Special Award For Best Video, Special Award For Best Project, di samping 11 anugerah khas dipersembahkan dengan tajaan oleh institusi akademik luar dan industri.

Tiga produk inovasi dari UUM telah meraih kejayaan menerusi anugerah khas Assistant Vice-Chancellor (Projek Automated Enhancement System For Diabetic Retinopathy Based On Fundus Image), Anugerah Khas Best Video (Projek Hello Snake: An Online Game-Based Approach In Learning Java Programming Language) dan Anugerah Khas Innovation And Commercialization Center (ICC) UUM (Projek G-Ventures: An Educational Mobile Game For Green Awareness).

Selain itu, terdapat sebanyak 12 produk inovasi UUM turut berjaya memenangi pingat emas. Keputusan penuh pertandingan boleh dilihat di laman web I-RIA 2021 <https://i-ria.my>.

Tetamu khas dari industri yang merupaka Ketua Pegawai Eksekutif dan Pengasas Bersama FAVORIOT, Dr. Mazlan Abas telah memberi ucapan bertajuk '*Innovations in the New Era of IR 4.0*'.

I-RIA2021 telah dirasmikan Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Kedah Darulaman merangkap Pengerusi Jawatankuasa Sains, Teknologi dan Inovasi, Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman Ku Ismail.

UUM
CORPORATE COMM.

☎ 04-928 3039/3040/3097/3042/3052/3048/3049
☎ 04-928 3053
✉ ukkuum@uum.edu.my
📍 Universiti Utara Malaysia (Official FB)



Please consider the environment before printing this e-mail



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.